

Kepentingan Semangat Kesukanan: Kajian Rintis dalam kalangan Mahasiswa UTHM

Muhammad Syahmir Hateem Sofian¹, Muhammad Dini Nizam^{1*}, Mohd Amirul Daniel¹, Muhammad Ikhmal Suhaimi¹, Muhammad Aziff Najmi Mohd Ali¹, Amar Rahmat¹, Muhammad Dzharfan Alkonso¹

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Cawangan Pagoh, Jalan Panchor, Johor, 86400, MALAYSIA

*cn220191@siswa.uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.010>

Received 10 October 2022; Accepted 24 Jun 2023; Available online 10 July 2023

Abstrak: Sukan merupakan bentuk aktiviti yang melibatkan fizikal dan semangat kesukanan merupakan satu aspek yang penting dalam pendidikan. Dalam kajian yang kami lakukan adalah ingin mengetahui persepsi pelajar mahasiswa dan mahasiswi terhadap kepentingan bersukan, perbandingan semangat kesukanan antara pelajar lelaki dan perempuan dan juga kebaikan yang diperoleh melalui aktiviti kesukanan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Berdasarkan kajian kami, antara objektif yang ingin dicapai adalah untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang mengamalkan cara hidup yang sihat, membentuk keperibadian, memupuk semangat dan juga mengeratkan hubungan silaturrahim. Kajian ini dilakukan terhadap mahasiswa dan mahasiswi. Responden telah bersetuju untuk menjawab soalan kaji selidik ini dan semua jawapan responden terhadap soal selidik telah direkod dan disimpan bagi mengkaji kajian yang dilakukan. Berdasarkan kajian, dapat disimpulkan bahawa mahasiswa dan mahasiswi masih mempunyai semangat kesukanan dan mempraktikannya. Dapatan menunjukkan bahawa kesukanan dapat mengukuhkan perpaduan. Cadangan dan penemuan kajian turut dibincangkan dalam kajian yang dilakukan ini.

Kata Kunci: Sukan, Kesukanan, Mahasiswa, Kepentingan

1. Pengenalan

Sukan terdiri daripada aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan untuk pertandingan, keseronokan, pembangunan, kemahiran, kecemerlangan, dan sebagainya. Perbezaan tujuan inilah yang membezakan sifat sesuatu sukan itu. Misalnya, berenang secara persaingan di hadapan ribuan penonton akan dikira sebagai sukan tetapi berenang bersendirian di kolam atau laut dilihat sebagai aktiviti rekreasi.

*Corresponding author: cn220191@siswa.uthm.edu.my

Sukan di Malaysia adalah bahagian penting dalam budaya Malaysia. Sukan di Malaysia sangat popular dari aspek penyertaan dan pemandangan. Rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat menyertai pelbagai sukan untuk rekreasi dan persaingan. Dalam aspek yang menarik, enam sukan penonton dengan kebanyakan peminat adalah bola sepak persatuan, hoki lapangan, kesatuan ragbi, badminton, bola tampar, bola baling, bola keranjang dan seni mempertahankan diri campuran (Sports Malaysia, 2010).

1.1 Latar Belakang

Pada era globalisasi masa kini, aktiviti bersukan dalam kalangan pelajar semakin mendapat perhatian. Perkembangan infrastruktur sukan seperti gelanggang futsal, badminton dan kawasan lapang dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar dimana bersukan bukan sahaja menjadi aktiviti di waktu siang malah telah dipraktikkan pada waktu malam. Hal ini kerana ramai diantara pelajar yang mempunyai kelas pada waktu pagi sehingga petang maka aktiviti seperti bersukan dan bersenam dilakukan pada waktu malam. Pelbagai faedah yang diperoleh daripada bersukan terutamanya kepada pelajar-pelajar di universiti secara tidak langsung.

Selain itu, sukan merupakan suatu aspek yang penting dalam universiti. Ia membantu meningkatkan disiplin, pemahaman, inovasi, kecerdasan emosi, kemahiran kerja universiti dan hubungan interpersonal. Keberkesanan universiti juga dipengaruhi oleh kemahiran komunikasi dan berfikir tinggi yang dapat dipelajari melalui kesukanan. Kesukanan juga membantu meningkatkan produktiviti dan kreativiti di kalangan pelajar, membina kesetiaan terhadap pengajaran dan membantu pelajar berinteraksi dengan orang lain, serta menggalakkan mereka untuk menjadi anggota masyarakat yang produktif. Ini dapat dilihat apabila pelajar mengalami kegagalan di universiti, dengan melakukan aktiviti sukan dapat membantu mengurangkan tekanan dan membangunkan semangat untuk meraih kejayaan dalam bidang pembelajaran.

Seterusnya, Semangat kesukanan adalah sifat yang sangat penting untuk hidup dalam masyarakat dan untuk membentuk hubungan positif antara masyarakat. Ini adalah bahagian penting dari nilai-nilai yang harus diterapkan dari kecil hingga dewasa. Semangat kesukanan akan menghasilkan jati diri yang baik pada seseorang mahasiswa di universiti. Semangat kesukanan juga merupakan sejenis daya motivasi yang menggerakkan seseorang pelajar untuk bertekun dalam suatu aktiviti. Dalam konteks mahasiswa, semangat kesukanan adalah 123niversit yang menarik dan menggerakkan mereka untuk mencapai potensi yang terbaik dengan berusaha keras. Semangat ini membawa satu rasa jangkauan kemahiran, nilai-nilai dan moral yang tinggi supaya wujud upaya untuk menjadi unggul dalam cabaran yang dipilih.

1.2 Pernyataan Masalah

Cabaran kerja pada masa kini juga tidak melihat seseorang pelajar itu dari segi akademik, namun sebaliknya para pelajar harus melibatkan diri dalam aktiviti sukan yang dapat menarik minat majikan dari segi kemahiran social. Jadi apabila semangat kesukanan telah diterap dari universiti akan membantu pelajar untuk diterima terus ke pasaran pekerjaan. Kepentingan semangat kesukanan dikalangan pelajar merupakan satu perkara yang memerlukan perhatian khusus daripada pelbagai pihak terutamanya dari pihak 123niversity supaya dapat menerapkan semangat tentang sukan dikalangan pelajar. Hal ini kerana, bagi melahirkan seseorang pelajar yang berkualiti mereka perlulah seimbang dari segi akademik dan sukan. Oleh yang demikian, Aktiviti kokurikulum yang diadakan di institusi-institusi pengajian adalah bertujuan untuk memberi pengalaman dan membantu pelajar dalam mencapai kehidupan yang sempurna disamping mencapai tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani dan intelek dan emosi (JERI). Namun, terdapat beberapa masalah dalam menerapkan kepentingan semangat kesukanan dikalangan pelajar iaitu dari segi kekurangan fasiliti, kekangan masa dan sebagainya.

2. Sorotan Literatur

Pada zaman era globalisasi, pencapaian akademik sahaja tidak mencukupi bagi para graduan untuk diterima terus ke pasaran pekerjaan kerana ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaan yang semakin meningkat. Kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini. Ianya telah menjadi satu kegiatan yang diwajibkan kepada setiap pelajar. Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan di kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari berbilang kaum ([Hamid, 2012](#)).

([Salmi, 2014](#)) menyatakan bahawa bersukan juga dapat meredakan tekanan belajar. Apabila pelajar-pelajar menyertai aktiviti bersukan, mereka akan melupakan pelajaran buat seketika dan mapu mengelak diri mereka daripada menghadapi tekanan belajar. Aktiviti sukan juga dapat merapatkan hubungan antara murid. Mereka akan mendapat ramai kawan dan hubungan juga lebih akrab. Contohnya dengan menyertai pertandingan sukan, semangat berkumpul dan saling bekerjasama untuk merangkul kemenangan akan lebih membara.

Kecemerlangan seseorang khususnya para pelajar seringkali dikaitkan kepada prestasi akademik manakala aspek personaliti terpinggir. Usaha-usaha menghasilkan pelajar cemerlang turut memfokuskan kepada aktiviti bersifat ilmiah baik di sekolah mahu pun di luar waktu persekolahan manakala aktiviti-aktiviti bersifat fizikal seperti bersukan dan seumpamanya dianggap menjejaskan tumpuan pembelajaran ([Chear et al., 2018](#)).

3. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan untuk melihat persepsi dan pandangan pelajar terhadap kepentingan semangat kesukanan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

3.1 Membuka minda pelajar terhadap semangat kesukanan

Dasawarsa ini, mahasiswa khususnya terperangkap dengan perspektif kolot bahawa sukan itu adalah aktiviti yang dianggap memenatkan kerana melibatkan aktiviti fizikal. Hal ini kerana jadual waktu yang padat dijadikan alasan utama mahasiswa tidak turun padang untuk melakukan aktiviti kesukanan. Oleh yang demikian, kajian ini sedikit sebanyak membuka minda pelajar supaya melihat sukan ini dengan perspektif yang berbeza. Sukan ini bukan sahaja melibatkan aktiviti fizikal bahkan melibatkan banyak lagi aspek positif yang lain. Misalnya sukan dapat mengeratkan perpaduan antara kaum dalam institusi itu sendiri. Tambahan pula, melalui sukan, mahasiswa dapat melahirkan otak yang cerdas kerana perlu membuat keputusan yang drastik dan sistematik dalam aktiviti seperti bola sepak, badminton dan hoki. Bukan itu sahaja, sukan juga dapat melahirkan mahasiswa yang proaktif dan berdaya saing.

3.2 Supaya mahasiswa dan mahasiswi lebih cenderung dalam melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Kebelakangan ini, banyak dilaporkan didalam akhbar mahupun media sosial bahawa kadar obesiti dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin meningkat. Hal ini kerana sikap sambil lewa dalam mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, institusi seperti universiti menjadi medan untuk melahirkan generasi yang mempunyai insan yang mempunyai sihat tubuh badan seiring dengan semangat berdaya saing dalam menuntut ilmu. Kajian ini jelas sekali membuka mata pelajar untuk lebih cenderung menyertai aktiviti kesukanan melalui hasil statistik jawapan yang diperolehi daripada soal selidik secara dalam talian. Tambahan pula, kajian ini memberikan motivasi tambahan untuk mahasiswa lebih tertarik dalam melakukan aktiviti kesukanan kerana banyak faedah boleh diperolehi.

3.3 Memberi pendedahan kepada pelajar tentang kesihatan fizikal dan mental melalui aktiviti kesukanan.

Umum mengetahui bahawa 60% pelajar di universiti meghadapi tekanan perasaan akibat daripada beberapa sebab tertentu. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung memberi pendedahan tentang kesihatan fizikal dan mental kepada mahasiswa misalnya melalui aktiviti kesukanan. Dengan bersukan, mahasiswa bukan sahaja mengeluarkan peluh, bahkan mahasiswa dapat mengeluarkan hormon endorfin.

Hormon endorfin dapat mengeluarkan energi positif dalam diri seseorang. Bukan itu sahaja, hormon endorfin juga dapat menstabilkan emosi bahkan dapat mengurangkan stress dalam kalangan mahasiswa. Aktivi yang mudah seperti berjogging dan bermain tali skipping juga dapat mengeluarkan hormon endorfin. Secara harfiahnya, sukan dapat membentuk fizikal dan mental yang kuat untuk mahasiwa dalam menghadapi zaman menuntu ilmu di universiti.

4. Isu Semasa & Cabaran

Sukan merupakan kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan atau untuk suka-suka bagi mengisi masa lapang mahupun untuk beriadah. Di Malaysia, bidang sukan merupakan salah satu bidang yang sama penting berbanding dengan bidang lain dalam usaha berterusan membangunkan Malaysia. Negara kita sering menganjurkan sukan berprestij di dunia seperti Formula One (F1), Le Tour De Langkawi, Sukan Komenwell, Sukan SEA dan sebagainya. Pencapaian Malaysia sebagai penganjur tidak dapat dinafikan kehebatannya dalam bidang sukan negara. Namun begitu, pencapaian Malaysia sebagai peserta masih belum mencapai taraf yang bermutu tinggi di peringkat dunia dan mengecewakan semua rakyat Malaysia. Bidang sukan Malaysia setiap tahun menghadapi pelbagai masalah dan cabaran bagi memastikan pembangunan sukan pelapis negara. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha haruslah dilakukan untuk memajukan lagi mutu sukan negara

i) Ibu bapa mempunyai tanggapan salah terhadap bidang sukan

Antara cabaran yang sering dihadapi bagi melahirkan pelajar atlet bertaraf antarabangsa adalah segelintir pelajar dan ibu bapa mereka masih mempunyai tanggapan salah terhadap bidang sukan di Malaysia. Hal tersebut jelas menjadi salah satu cabaran ataupun punca utama atlet negara tidak bergiat lama dalam bidang sukan masing-masing. Mereka masih mempunyai tanggapan salah terhadap jaminan masa depan mereka dalam bidang sukan bagi sepanjang masa. Oleh itu, suatu usaha harus dilakukan untuk menjamin masa depan para atlet negara Malaysia. Misalnya, pihak atasan atau pihak kerajaan hendaklah memberikan peluang pekerjaan kepada atlet peringkat universiti atau negara jika berlaku sebarang kecederaan kepada mereka. Pembayaran elaun kepada atlet negara yang bergiat aktif dalam mewakili Malaysia, tidak kira sama ada atlet tersebut menang ataupun kalah merupakan langkah bijak bagi melahirkan generasi yang mencintai bidang sukan. Pada masa yang sama suatu organisasi harus ditubuhkan untuk menjaga kebajikan atlet Malaysia. Perkara ini dapat mengurangkan pandangan negatif terhadap sukan.

ii) Rasuah

Selain itu, kegiatan rasuah juga merupakan cabaran terbesar dalam bidang sukan. Rasuah dalam bidang sukan juga jelas memberikan impak negatif kepada pembangunan bidang sukan di Malaysia. Isu rasuah sememangnya telah lama wujud dalam bidang sukan Malaysia. Contoh kesan rasuah dalam bidang sukan dapat dilihat pada tahun 1990-an di mana imej sukan bola sepak di negara ini telah jatuh apabila terdapat beberapa pemain bola sepak Liga Perdana Malaysia mula menerima rasuah. Isu rasuah ini juga menyebabkan ramai penaja telah menarik diri dan enggan menaja Liga Perdana Malaysia. Ramai pihak berpendapat bahawa rasuah berpunca daripada aktiviti perjudian di mana pengurus, pengadil dan atlet-atlet diberi wang supaya mempengaruhi keputusan perlawanan demi kepentingan mereka. Rasuah dalam bidang sukan hanya memberikan kesan negatif dan menjadi cabaran besar dalam usaha melahirkan pemain sukan yang digelar sebagai “World Class Player” iaitu pemain bertaraf dunia.

iii) Penyalahgunaan dadah

Selain itu, isu yang memberikan kebimbangan kepada semua rakyat Malaysia adalah kaitan antara atlet dan penyalahgunaan dadah. Penyalahgunaan dadah juga dapat menguatkan prestasi atau dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai “Performance Enhancing Drugs” digunakan untuk memberi kelebihan kepada atlet ketika bertanding dalam sesuatu acara sukan. Contoh atlet yang didapati bersalah menggunakan dadah ialah atlet lumba basikal trek kebangsaan, Muhammad Fauzan Ahmad Lutfi. Fauzan disahkan positif dadah oleh Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) kerana menggunakan dadah jenis ‘anabolic steroid’ semasa menyertai kejohanan Mini Olimpik. Pelumba tersebut telah digantung selama dua tahun dari sebarang kejohanan atas kesalahan yang dilakukan. Penggunaan dadah

adalah tidak beretika, berbahaya dari segi kesihatan dan atlet negara perlu sedar akan risiko negatif pengambilan dadah. Oleh yang demikian, isu ini telah menjadi masalah yang serius dalam dunia sukan Malaysia sehingga hari ini.

Secara rumusnya, pelbagai usaha hendaklah dilakukan dalam jangka masa yang berterusan bagi mengatasi cabaran kemerosotan mutu sukan terhadap pelajar. Sehubungan dengan itu, para pelajar atau atlet juga perlu tingkatkan disiplin sendiri dan bermotivasi tinggi semasa sesi latihan dijalankan. Pembangunan bidang sukan tidak sepatutnya dipandang remeh oleh masyarakat. Justeru, sukan wajar dimajukan untuk kepentingan negara. Sekiranya ada pengemblengan usaha dan iltizam semua pihak, pastinya sinar di hujung terowong dapat dijelmakan untuk mengangkat kembali martabat sukan negara Malaysia. Bagi merealisasikan slogan Majulah Sukan Untuk Negara, kita hendaklah sentiasa berusaha memperbaiki segala cabaran yang dihadapi.

5. Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat 50 responden yang telah menjawab soal kaji selidik yang telah kami edarkan kepada mahasiswa/mahasiwi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan juga kepada institusi lain.

5.1 Bahagian A- Maklumat Diri Responden

Jadual 1: Jantina Responden

JANTINA	PERATUSAN (%)
LELAKI	74.0
PEREMPUAN	26.0


Berdasarkan Jadual 1 di atas, terdapat 74.0% lelaki yang telah menjawab soal kaji selidik iaitu bersamaan dengan 37 orang daripada 50 orang dan 26.0% perempuan iaitu sebanyak 13 orang.

Jadual 2: Umur Responden

UMUR	PERATUSAN	BILANGAN
18-20	10.0	5
21-25	78.0	39
26 DAN KEATAS	12.0	6


Bagi umur responden yang menjawab soal kaji selidik adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 iaitu bagi lingkungan diantara 18 hingga 20 tahun sebanyak 10.0% bersamaan dengan 5 orang, lingkungan umur bagi 21 hingga 25 tahun sebanyak 78.0% iaitu 39 orang dan yang terakhir ada 26 tahun dan keatas iaitu sebanyak 12.0% iaitu sebanyak 6 orang. Berdasarkan hasil kajian, ini dapat menunjukkan bahawa majoriti yang menjawab adalah mahasiswa dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun.

5.2 Bahagian B- Semangat Kesukanan Terhadap Siswa Dan Siswi Di Kolej Kediaman.




Rajah 1 : sukan di kampus dapat mengutuhkan perpaduan antara kaum di kalangan mahasiswa

Berdasarkan soalan yang ditanyakan iaitu adakah sukan di kampus dapat mengutuhkan perpaduan antara kaum di kalangan mahasiswa, kita dapat mengetahui bahawa 70.0% iaitu 35 orang sangat setuju dengan kenyataan tersebut, manakala sebanyak 26.0% iaitu 13 orang setuju dan hanya 4.0% sahaja iaitu 2 orang sahaja yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Daripada kajian, dengan bersukan dapat mengutuhkan perpaduan antara kaum.




Rajah 2 : Semangat kesukanan dikalangan pelajar dapat menjamin kesejahteraan antara pelajar

Rajah 2 menunjukkan hasil dapatan daripada soal kaji selidik iaitu semangat kesukanan dikalangan pelajar dapat menjamin kesejahteraan antara pelajar. Berdasarkan rajah 4.4 sebanyak 62.0% bersamaan 31 menyatakan sangat setuju, 30.0% iaitu 15 orang setuju dan 8.0% iaitu 2 orang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa majoriti bersetuju dengan kenyataan tersebut.




Rajah 3: Semangat Kesukanan Di Kalangan Pelajar Perlu Diberi Perhatian Oleh Pihak Universiti

Rajah 3 menunjukkan bahawa sebanyak 58.0% iaitu 31 orang sangat setuju dengan kenyataan tersebut, 36.0% iaitu 18 orang dan hanya 6% iaitu 3 orang sahaja yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan dapatan kajian ini, kita dapat menunjukkan bahawa pihak university perlu mengambil perhatian dengan semangat kesukanan di kalangan pelajar unibersiti.




Rajah 4: Sukan Di Kampus Dapat Membantu Meningkatkan Kecerdasan Minda Pelajar

Rajah 4 menunjukkan dapatan kajian bagi kenyataan tersebut. Daripada rajah tersebut, kita mendapati bahawa seramai 30 orang sangat setuju, 15 orang setuju dan 5 orang tidak pasti dengan kenyataan yang diberikan. Hal ini dapat menunjukkan bahawa dengan bersukan, ianya dapat meningkatkan kecerdasan minda pelajar.




Rajah 5: Bersukan Dapat Mengurangkan Emosi Pelajar Ketika Berada Di Universiti.

Rajah 5 menyatakan bahawa bersukan dapat mengurangkan emosi pelajar ketika berada di universiti. Seramai 46.0% iaitu 23 orang sangat setuju dengan kenyataan tersebut, 40.0% iaitu 20 orang setuju, 12.0% iaitu 6 orang tidak pasti dan hanya 2.0% iaitu 1 orang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa bersukan dapat membantu pelajar untuk mengurangkan emosi terutamanya ketika berada di universiti.




Rajah 6: Bersukan Dapat Memberi Kesihatan Dari Segi Fizikal Dan Mental Terhadap Pelajar

Berdasarkan rajah 6, bersukan dapat memberi kesihatan dari segi fizikal dan mental terhadap pelajar dan 78.0% iaitu 39 orang sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala sebanyak 16.0% iaitu 8 orang setuju, 6.0% iaitu 3 orang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Majoriti daripada responden bersetuju bahawa dengan bersukan, ianya dapat memberi kesihatan dari segi fizikal dan mental terhadap pelajar.



Rajah 7: Bersukan merupakan aktiviti yang dapat menyihatkan tubuh badan pelajar

Rajah 7 menyatakan bahawa bersukan merupakan aktiviti yang dapat menyihatkan tubuh badan pelajar. Daripada dapatan kajian, ianya menunjukkan bahawa sebanyak 74.0% iaitu 37 orang sangat setuju, 22.0% iaitu 11 orang setuju dan 4.0% iaitu 2 orang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Hal ini dapat dinyatakan bahawa, hampir semua responden bersetuju bahawa bersukan merupakan aktiviti yang dapat menyihatkan badan dan menunjukkan bahawa pelajar selalu melakukan aktiviti bersukan.



Rajah 8: Bersukan Mampu Mengangkat Martabat Negara Ke Mercu Yang Lebih Tinggi

Berdasarkan rajah 8, kita mendapati bahawa sebanyak 62.0% iaitu 31 orang sangat setuju, 24.0% iaitu 12 orang setuju dan hanya 14.0% iaitu 7 orang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Hal ini dapat disimpulkan bahawa dengan bersukan, ianya mampu mengangkat martabat negara ke mercu yang lebih tinggi. Hal ini kerana, dengan bersukan kita dapat mewakili untuk wakil negara dan dapat mengharumkan lagi nama negara.

6. Kesimpulan

Kesemua tujuan kajian telah berjaya dicapai berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan. Melalui kajian ini, persepsi dan pandangan pelajar terhadap kepentingan semangat kesukanan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi telah berubah ke arah yang lebih baik kerana terdapat ramai pelajar yang telah membuka minda mereka terhadap semangat kesukanan. Selain itu, ramai pelajar yang telah melibatkan diri dalam aktiviti sukan yang telah dianjurkan sama ada di dalam atau di luar universiti mereka. Akhir sekali, pelajar juga telah didedahkan tentang kesan yang baik terhadap kesihatan fizikal dan mental melalui aktiviti kesukanan.

Implikasi kajian ini ialah ianya dapat memupuk semangat kesukanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Selain tu, ianya dapat menambahkan ilmu pengetahuan pembaca dalam aspek semangat kesukanan. Seterusnya, Limitasi kajian yang dihadapi ialah kebanyakan responden tidak mampu menjawab borang soal selidik ketika proses kutipan dijalankan atas sebab kekangan kerja yang banyak membuatkan jumlah respon borang soal selidik lambat untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pelajar-pelajar UTHM cawangan Pagoh sahaja. Sampel kajian yang agak terhad untuk digeneralisasikan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan kajian lanjutan ini mengambil kira populasi yang lebih besar dengan menggunakan keseluruhan pelajar UTHM sama ada di induk atau di cawangan untuk meningkatkan ketepatan kajian.

Konklusinya, semangat kesukanan masih di praktikan di dalam kalangan siswa dan siswi UTHM. Buktinya selama kami menjalankan tugas ini untuk mengkaji kepentingan semangat kesukanan terhadap siswa dan siswi di kolej kediaman UTHM. Kami mendapati majoriti responden yang menjawab borang soal selidik kami masih mempunyai semangat kesukanan yang teguh. Semangat ini dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum. Serta dapat menjamin kesejahteraan di kalangan pelajar kolej kediaman. Bukan itu sahaja, kepentingan semangat kesukanan ialah ia dapat melahirkan masyarakat yang aktif dan mempunyai semangat juang dan kesukanan yang tinggi serta dapat memupuk jati diri dan disiplin setiap individu ketika melakukan sebarang aktiviti sukan bersama-sama. Semangat kesukanan ini perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat sejak mereka kecil lagi. Kami juga dapati, siswa dan siswi menghabiskan masa untuk lebih fokus ke arah akademik berbanding sukan yang mana sukan ini juga boleh memberi impak yang positif terhadap stress dan upamanya. Oleh itu jelaslah bahawa kalangan siswa dan siswi perlu ada keseimbangan sukan dan akademik dalam kehidupan pelajar.

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada penysyarah yang telah membantu kami dalam menghasilkan penulisan ini dan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- [1] Hamid, R. A. (2012). *Pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- [2] Salmi. (2014). *Kepentingan Sukan kepada Murid*. Blogspot.com.<http://cikgusalmi.blogspot.com/2014/06/kepentingan-sukan-kepada-murid.html>
- [3] Muhamad, T. A., & Alauddin, A. N. M. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- [4] Chear, S. L. S., Mohd, M. I., & Hamzah, S. H. (2018). Kepentingan aktiviti fizikal dalam membina personaliti dan meningkatkan prestasi akademik. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 7(1), 21-33.
- [5] Yusoff, N. H. (2018). Kepentingan kawalan sosial dalam menangani salah laku membabitkan penyokong bola sepak di Malaysia: The importance of social control to prevent misbehavior among football fans in Malaysia. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 7(1), 34-45.
- [6] Yusoff, N. H., & Sundramoorthy, P. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku dalam kalangan penyokong pasukan bola sepak di Malaysia (Factors influencing misbehaviours of football fans in Malaysia). *Geografia*, 11(13).
- [7] Don, Y., Ismail, S. N., Yusoff, S. H. M., & Yusoff, Z. J. M. (2016). *Kokurikulum dan Penjajaran Konstruktif di Sekolah (UUM Press)*. UUM Press.
- [8] Mohamed, A. M. D., Abdul Latif, R., Anak Kada, L., Fauzee, O., & Sofian, M. (2008). Faktor yang menggalakkan penglibatan siswi di dalam sukan wanita: satu tinjauan kualitatif. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 4(2), 123-140.
- [9] Jasmi, K. A., Mahamad Remli, M. I., & Wan Ibnurushdi, W. E. (2015). Mahasiswa dan Aktiviti Kesukanan. *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Penampilan, Kesihatan, dan Kegiatan Sosial*, 3.
- [10] R Tanasekaran, R. (1994). *Sukan di Universiti Malaya: Pembangunan dan penglibatan pelajar/R. Tanasekaran Ramaiya* (Doctoral dissertation, University of Malaya).